

08/10/1999

Jangan buat kenyataan: Hakim

Khairul Bahri Basaruddin

KUALA LUMPUR, Khamis - Hakim Datuk Ariffin Jaka berharap pemimpin kerajaan dan pembangkang tidak lagi membuat kenyataan mengenai kes liwat membabitkan Datuk Seri Anwar Ibrahim dan Sukma Darmawan Sasmitaat Madja.

Ariffin berkata, persoalan mengenai dakwaan Anwar dan Sukma Darmawan melakukan kesalahan adalah perkara yang hanya akan ditentukan oleh mahkamah.

"Saya berharap sesiapa saja terutama Perdana Menteri dan Menteri Kabinet supaya tidak membuat kenyataan mengenai kes terhadap Datuk Seri Anwar kerana kes itu dalam perbicaraan," katanya.

Beliau berkata demikian selepas mendengar permohonan peguam bela Anwar, Karpal Singh supaya memanggil Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad; Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik; Menteri Pendidikan, Datuk Seri Najib Tun Razak; Menteri Pembangunan Luar Bandar, Datuk Annuar Musa dan Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Ibrahim Ali ke mahkamah memberi penjelasan kenyataan mereka mengenai kes berkenaan.

Karpal mendakwa, pemimpin kerajaan terutama Dr Mahathir membuat ugutan terhadapnya berhubung dakwaannya ada orang atasan terbabit dalam keracunan arsenik Anwar.

Katanya, kenyataan mereka itu bersamaan dengan kesalahan menghina mahkamah dan tindakan segera perlu diambil supaya pihak terbabit tidak terus membuat kenyataan.

Ariffin berkata, jika kenyataan itu bersamaan kesalahan menghina mahkamah, pihak yang terbabit akan dikenakan tindakan sewajarnya.

"Cara yang terbaik adalah menahan diri daripada membuat cacian dan menghindarkan daripada timbul salah faham mahkamah memberi kebenaran kepada mereka untuk membuat ulasan prosiding itu," katanya.

Sehubungan itu, katanya, adalah tidak sesuai untuk Karpal mengemukakan permohonan lisan memanggil pemimpin kerajaan berkenaan ke mahkamah.

Bagaimanapun, Ariffin berkata beliau tidak akan menghalang Karpal mengemukakan permohonan secara berasingan mengambil tindakan menghina mahkamah terhadap pemimpin terbabit.

Sebelum itu, Karpal memberitahu mahkamah Dr Mahathir dalam sidang akhbarinya semalam menyatakan tindakan mahkamah akan diambil terhadapnya kerana membuat kenyataan berunsur fitnah.

Katanya, kenyataan Dr Mahathir itu adalah satu ugutan terhadap seorang peguam bela yang menjalankan tugas bagi mendapat keadilan anak guam yang diwakili.

Karpal berkata, Dr Mahathir juga sebelum ini ada membuat kenyataan di New York pada 28 September lalu menuduh Anwar adalah seorang homoseksual yang berpura-pura menjadi seorang warak.

"Ini sama sekali satu kesalahan menghina mahkamah," katanya.

Peguam Negara Tan Sri Mohtar Abdullah memberitahu mahkamah Karpal perlu membuat permohonan berasingan kerana kenyataan itu bukan dibuat terus kepada mahkamah.

(END)